



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESESUAIAN MATA PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 2 DALAM PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DAN PEMUPUKAN NILAI- NILAI MURNI DI NEGERI SELANGOR



05-4506832



SHIRLEY ANNE A/P SOOSAINATHAN



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESESUAIAN MATA PELAJARAN SEJARAH TINGKATAN 2 DALAM
PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DAN PEMUPUKAN NILAI-
NILAI MURNI DI NEGERI SELANGOR.**

SHIRLEY ANNE A/P SOOSAINATHAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN KURIKULUM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan) (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

_____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: _____

No. Matrik / Matric's No.: _____

Saya / I : _____
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Pertama kali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi peluang kepada saya menghasilkan disertasi ini dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur bagi memudahkan saya menyiapkan disertasi ini dengan lebih cemerlang. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia disertasi saya, Profesor Madya Dr. Ikhsan Othman atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan adik-beradik saya yang banyak memberi sokongan serta dorongan dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih kepada semua responden kajian ini yang sudi meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik bagi tujuan pengumpulan data dan rakan-rakan sepengajian yang sama-sama bertungkus lumus memberi bantuan dan semangat bagi menghasilkan disertasi ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dan pemupukan nilai-nilai murni di negeri Selangor. Kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM dikaji sama ada tajuk tersebut boleh menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), memupuk nilai-nilai murni dan nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid Tingkatan 2. Kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran ini dinilai berdasarkan persepsi guru mengikut pengalaman mengajar. Reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 150 responden yang telah dipilih secara rawak daripada 250 guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 di sekolah menengah Daerah Petaling Utama, Petaling Jaya, Selangor. Satu set borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk tujuan pengumpulan data empirikal. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, dan ANOVA sehala. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat meningkatkan KBAT (85.3%), menanam nilai-nilai murni (96.7%), memupuk nilai-nilai patriotisme (96.7%), meningkatkan semangat perpaduan (91.3%) dan kemahiran abad ke-21 (88.7%) murid. Hasil ujian ANOVA sehala pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan skor min persepsi guru terhadap kesesuaian mata pelajaran sejarah dalam penerapan KBAT [$F(2,147) = 4.61; p<0.05$], penanaman nilai-nilai murni [$F(2,147) = 3.13; p<0.05$] dan pemupukan nilai-nilai patriotisme murid [$F(2,147) = 3.13; p<0.05$] berdasarkan pengalaman mengajar. Ujian *Pos Hoc Tukey* menunjukkan perbezaan yang signifikan berlaku di antara guru yang mempunyai pengalaman mengajar 2 – 5 tahun dan guru senior yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun. Namun pemupukan semangat perpaduan dan kemahiran abad ke-21 tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar. Kesimpulannya, majoriti responden percaya bahawa tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menerapkan KBAT, kemahiran abad ke-21 dan juga nilai-nilai murni termasuk pemupukan nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan. Namun guru novis perlu mempertingkatkan kemahiran mereka untuk menerapkan KBAT dan nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka. Implikasi kajian menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah KSSM adalah berkesan untuk menerap KBAT dan memupuk semangat patriotisme serta perpaduan namun latihan perlu diberikan kepada guru novis.





THE SUITABILITY OF FORM 2 HISTORY SUBJECT IN INTEGRATING HIGHER ORDER THINKING SKILLS AND CULTIVATING MORAL VALUES IN SELANGOR

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the suitability of Form 2 History subject in integrating of higher order thinking skills and cultivating moral values in Selangor. The suitability of the topics in Form 2 History subject KSSM was examined to determine whether the topics can generate higher order thinking skills (HOTS), cultivate moral values and values of patriotism as well as the spirit of unity and 21st century skills among Form 2 students. The suitability of the topics in this subject was assessed based on the teacher's perception and their teaching experience. A case study design was used in this study. The sample consisted of 150 respondents who were randomly selected from 250 teachers who teach Form 2 History subject in Petaling Utama District, Petaling Jaya, Selangor. A set of questionnaires was used as a research instrument. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation and one-way ANOVA test. The findings showed that the majority of respondents agreed that topics in Form 2 History subject can enhance HOTS (85.3%), cultivate moral values (96.7%), nurture values of patriotism (96.7%), increase the spirit of unity (91.3 %) and 21st century skills (88.7%) among students. The one-way ANOVA test showed that there was a significant difference in the mean score of teachers' perceptions in applying HOTS [$F(2,147) = 4.61; p < 0.05$], cultivating moral values [$F(2,147) = 3.13; p < 0.05$] and nurturing values of patriotism [$F(2,147) = 3.13; p < 0.05$] based on teaching experience. The Tukey's *Post Hoc* test showed a significant difference between teachers with teaching experience of 2 - 5 years and senior teachers with teaching experience of more than 5 years. Yet nurturing the spirit of unity and 21st century skills did not show significant difference based on teaching experience. In conclusion, the majority of respondents believed that the topics in Form 2 History subject can integrate HOTS, 21st century skills as well as moral values including cultivating values of patriotism and the spirit of unity among students. However, novice teachers need to improve their skills to apply HOTS and moral values in their teaching. The study implicates that the Form 2 History subject is effective in applying HOTS and cultivating the spirit of patriotism and unity but training should be given to novice teachers.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Soalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual	17
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Kepentingan Kajian	21





1.11	Definisi Operasional	22
1.11.1	Patriotisme	22
1.11.2	Semangat Perpaduan	23
1.11.3	Kemahiran Befikir Aras Tinggi (KBAT)	24
1.11.4	Kemahiran-kemahiran Abad ke-21	25
1.11.5	Nilai-nilai Murni	25
1.11.6	Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	26
1.11.7	Mata Pelajaran Sejarah	27
1.12	Organisasi Kajian	28
1.13	Kesimpulan	31

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	32
2.2	Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	33
2.2.1	Konsep KSSM	34
2.2.2	Transformasi Kurikulum	35
2.2.3	Prinsip KSSM	38
2.3	KSSM Mata Pelajaran Sejarah	40
2.3.1	Matlamat KSSM Sejarah	42
2.3.2	Objektif KSSM Sejarah	43
2.3.3	Fokus KSSM Sejarah	44
2.3.4	Organisasi Kandungan Kurikulum Sejarah Tingkatan 2	45
2.4	Konstruk-konstruktur yang Dikaji	47
2.4.1	Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi	47





2.4.2	Nilai-nilai Murni	49
-------	-------------------	----

2.4.3	Nilai-nilai Patriotisme	51
-------	-------------------------	----

2.4.4	Semangat Perpaduan	52
-------	--------------------	----

2.4.5	Kemahiran-kemahiran Abad ke-21	53
-------	--------------------------------	----

2.5	Kepentingan Pendidikan Sejarah	54
-----	--------------------------------	----

2.6 Kajian-kajian Lepas

2.6.1	Kaedah atau Teknik Pengajaran Sejarah	55
-------	---------------------------------------	----

2.6.2	Pemupukan Semangat Patriotisme Menerusi P&P Sejarah	61
-------	--	----

2.6.3	Hubungan Pencapaian Murid dengan Pengajaran Guru Sejarah dalam Mata Pelajaran Sejarah	63
-------	--	----

2.6.4	Penerapan Semangat Perpaduan Melalui Mata Pelajaran Sejarah	64
-------	--	----

2.6.5	Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah Di Malaysia	65
-------	---	----

2.7	Kesimpulan
-----	------------

66



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	67
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	68
-----	--------------------	----

3.3	Tempat Kajian	69
-----	---------------	----

3.4	Populasi Kajian	69
-----	-----------------	----

3.4.1	Sampel Kajian	70
-------	---------------	----

3.5	Instrumen Kajian	71
-----	------------------	----

3.5.1	Bahagian dalam Borang Soal Selidik	71
-------	------------------------------------	----





3.6	Kajian Rintis	73
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	76
3.6.1.1	Kesahan Instrumen	76
3.6.1.2	Kebolehpercayaan Instrumen	77
3.7	Prosedur Menjalankan Kajian	78
3.8	Penganalisisan Data	84
3.9	Kesimpulan	85

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	86
4.2	Latar Belakang Responden	87
4.3	Dapatan Kajian	89
4.3.1	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sehala Untuk Mengenal Pasti Sama Ada Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) Murid Mengikut Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	89
4.3.2	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sehala Untuk Mengenal Pasti Sama Ada Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Murni Murid Mengikut Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	94
4.3.3	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sehala Untuk Mengenal Pasti Sama Ada Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid Mengikut Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	99





4.3.4	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sehala Untuk Mengenal Pasti Sama Ada Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Murid Mengikut Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	104
4.3.5	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan ANOVA Sehala Untuk Mengenal Pasti Sama Ada Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan Kemahiran-kemahiran Abad ke-21 Murid Mengikut Pandangan Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	107
4.4	Kesimpulan	111

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN



5.1	Pengenalan	113
5.2	Rumusan Kajian	114
5.3	Perbincangan Dapatkan Kajian	
5.3.1	Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) Murid	116
5.3.2	Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Murni Murid	119
5.3.3	Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid	121
5.3.4	Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Murid	124
5.3.5	Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan Kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 Murid	128
5.4	Implikasi Kajian	131





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 133

5.6 Kesimpulan 135

RUJUKAN 137

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Pemetaan Kandungan Sejarah Tingkatan 2	46
3.1 Bahagian dalam Borang Soal Selidik	72
3.2 Analisis Kebolehpercayaan Item-item dalam Borang Soal Selidik	74
3.3 Nilai Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Keseluruhan Item-item Borang Soal Selidik	75
3.4 Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	78
3.5 Prosedur Kajian	79
4.1 Taburan Demografi Responden Kajian	88
4.2a Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Murid	90
4.2b Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Menerapkan KBAT Murid	91
4.2c Ujian ANOVA sehala. Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan KBAT Murid	92
4.2d Ujian Pos Hoc Tukey. Perbandingan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan KBAT Murid	93
4.3a Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Nilai-nilai Murni Murid	95





4.3b	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Nilai-nilai Murni Murid	96
4.3c	Ujian ANOVA sehalal. Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Murni Murid	97
4.3d	Ujian Pos Hoc Tukey. Perbandingan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-Nilai Murni Murid	98
4.4a	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid	100
4.4b	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid	101
4.4c	Ujian ANOVA sehalal. Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid	102
4.4d	Ujian Pos Hoc Tukey. Perbandingan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Nilai-nilai Patriotisme Murid	103
4.5a	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Murid	105
4.5b	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Murid	106
4.5c	Ujian ANOVA sehalal. Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Memupuk Semangat Perpaduan Murid	107





4.6a	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Menerapkan Kemahiran-kemahiran Abad ke-21 Murid	108
4.6b	Skor Min Dan Sisihan Piawai Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM Dapat Menerapkan Kemahiran-kemahiran Abad Ke-21 Murid	109
4.6c	Ujian ANOVA sehala. Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Terhadap Tajuk-tajuk Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan 2 Dapat Menerapkan Kemahiran-kemahiran Abad Ke-2 Murid	110
4.7	Keputusan Hipotesis	112





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Kajian	18
2.1 Fokus Kurikulum Sejarah	45
3.1 Prosedur Pelaksanaan Kajian	83



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

AIM	Agensi Inovasi Malaysia
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
DPN	Dasar Pendidikan Negara
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPP	Jawatankuasa Perancangan Pendidikan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KGS	Kebolehan Guru Sejarah
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
KMG	Kemahiran Mengajar Guru Sejarah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPS	Kemahiran Pemikiran Sejarah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii

PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PTK	Perhatian Guru Sejarah Terhadap Kerja Murid
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STEM	<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i>
TOC	<i>Theory of Constraints (TOC)</i>
TPG	Teknik Pengajaran Guru Sejarah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xix

SENARAI LAMPIRAN

- A Perbezaan KSSM dan KBSM
- B Borang Soal Selidik
- C Output SPSS bagi Konstruk Kajian KBAT
- D Output SPSS bagi Konstruk Kajian Nilai-nilai Murni
- E Output SPSS bagi Konstruk Kajian Nilai-nilai Patriotisme
- F Output SPSS bagi Konstruk Kajian Semangat Perpaduan
- G Output SPSS bagi Konstruk Kajian Kemahiran-kemahiran Abad Ke-21
- H Kemahiran-kemahiran Pembelajaran Abad ke-21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



1.1 05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Di negara Malaysia, mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dilaksanakan mulai tahun 2017 bagi menggantikan KBSM yang dipercayai dapat melahirkan murid yang berkualiti tinggi supaya mereka boleh bertanding di peringkat global dan sanggup menghadapi pelbagai cabaran yang semakin sengit dalam kalangan murid sekolah. Mata pelajaran Sejarah juga telah dikategorikan sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 2013. Ini selaras dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



mengutamakan kemajuan yang seimbang dan menyatupadukan unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu, kemahiran yang dipelajari melalui mata pelajaran Sejarah bukan sahaja mementingkan pemerolehan ilmu dan pengetahuan tetapi juga memfokuskan perkembangan kemahiran belajar dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Kurikulum merupakan satu set dokumen yang dirujuk untuk merancang pendidikan dari segi akademik dan kokurikulum supaya institusi pendidikan boleh menggunakan kandungan kurikulum ini untuk mencapai matlamat pendidikan dari semasa ke semasa. Rancangan ini merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai murni dan unsur berkaitan, kesenian, kebudayaan dan warisan. Sesuatu kurikulum yang dirancang mesti melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai kerana aspek-aspek ini akan membantu melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi (Tengku Sarina, 2018).

Dasar Pendidikan Negara (DPN) juga menitikberatkan kewujudan identiti bangsa. Pendidikan digunakan sebagai satu alat untuk membina negara dan bangsa. Bagi merealisasikan matlamat DPN, pendidikan Sejarah dapat memainkan peranan sebagai alat pembinaan negara dan bangsa jika para pendidik dapat menyampaikan ilmu sejarah dengan penuh bertanggungjawab (Hazri, 2003). Menurut Mok Soon Sang (1998), selain meningkatkan potensi dan kemampuan seseorang individu secara menyeluruh, proses pendidikan juga boleh mencapai matlamat-matlamat pendidikan yang lain di Malaysia. Sebagai contohnya, salah satu matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang





mempunyai kewajipan dan amanah terhadap negara dan bangsa serta mengamalkan nilai bertoleransi supaya perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dapat dikekalkan selama-lamanya.

Dalam hal ini, Chua (2007) dalam kajiannya menerangkan pandangan Voss (1997) yang menyatakan bahawa mata pelajaran Sejarah boleh dijadikan satu platform untuk mendidik murid tentang nilai-nilai murni melalui pengajaran yang diperoleh daripada pembelajaran tentang peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku pada masa silam. Mata pelajaran ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan tetapi mata pelajaran tersebut boleh menjadi ilmu yang sangat berguna untuk mengetahui sesuatu bangsa di negara Malaysia melalui peristiwa-peristiwa bersejarah yang telah berlaku. Peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah berlaku di masa silam perlu dinilai semula untuk merancang perubahan transformasi yang sentiasa berlaku di Malaysia (Hazri, 2003).

Oleh itu, untuk menjayakan hasrat FPK dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah pembinaan negara bangsa, mata pelajaran Sejarah mempunyai peranan yang luas dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini telah membantu penyelidik menilai sejauh manakah tajuk-tajuk dalam kurikulum Sejarah Tingkatan 2 sesuai untuk menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), memupuk nilai-nilai murni, memupuk nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan dan menerapkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 dalam kalangan setiap murid khusunya murid sekolah.





1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak tahun 1988, mata pelajaran Sejarah telah diperuntukkan sebagai mata pelajaran wajib atau teras di peringkat sekolah-sekolah menengah. Mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan adalah bertujuan untuk mendorong dan membimbang murid supaya mereka dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai sebelum mereka mengakhiri tempoh persekolahan mereka. Bagi melahirkan seseorang individu yang berguna kepada negara dan bangsa serta individu yang mempunyai peribadi yang unggul, mata pelajaran Sejarah mempunyai peranan yang sangat luas dan penting.

Pada tahun 2000, kurikulum mata pelajaran Sejarah telah dilakukan pengubahsuaian dan ditambah baik. Perubahan ini berlaku melalui semakan kurikulum Sejarah yang dilaksanakan pada Januari 2003 melibatkan Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar serta pengukuhan unsur minda dan nilai-nilai patriotisme telah diliputi dalam proses penambahaikan dan pengubahsuaian kurikulum Sejarah (Huraian Sukatan Pelajaran KBSM (Semakan) Sejarah Tingkatan 4, 2002).

Secara keseluruhannya, KBSM memberi penekanan kepada unsur seperti pengetahuan, kemahiran belajar dan penekanan terhadap daya intelek murid. Secara khususnya, kurikulum Sejarah dirancang bagi membantu murid menguasai proses perkembangan masyarakat dan negara. Oleh itu, mata pelajaran Sejarah perlu diajar





sebagai mata pelajaran yang wajib khususnya dalam aliran kemanusiaan di peringkat sekolah-sekolah menengah (Subadrah Nair dan Malar, 2005).

Di samping itu, pihak kerajaan telah memutuskan bahawa mulai tahun 2013, mata pelajaran Sejarah adalah mata pelajaran yang wajib dilulus dalam kalangan murid dari sekolah menengah. Kerajaan memberi penekanan kepada mata pelajaran Sejarah dalam usaha melahirkan warganegara yang cintakan negara. Bukan sahaja Malaysia menetapkan kewajiban ini malahan negara-negara maju seperti United Kingdom, Jerman, Korea dan Jepun juga telah lama mengamalkan prinsip ini (Mohd. Johdi, 2000)

Kurikulum Sejarah KBSM telah diubahsuai dan diperbaharui dari semasa ke semasa sejak tahun 1988. Namun, pada tahun 2017, pihak kerajaan telah mengambil satu inisiatif untuk memperkenalkan satu kurikulum yang baharu iaitu KSSM. Kurikulum baharu ini dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Tingkatan 1 di peringkat sekolah menengah bagi menggantikan kurikulum KBSM yang telah dilaksanakan sejak tahun 1988. Tujuan kurikulum baharu ini iaitu KSSM digubal berdasarkan penekanan kepada dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard kurikulum yang ditetapkan di peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).





Kerangka kurikulum KBSM adalah berdasarkan tiga bidang iaitu manusia, komunikasi dan alam sekitar serta kemajuan diri sendiri. Dalam kerangka kurikulum KSSM, 6 tunjang diberi penekanan iaitu perkembangan fizikal, komunikasi dan estetika, kemanusiaan dan kerohanian, keterampilan diri, sains dan teknologi (STEM) serta nilai dan sikap. Elemen merentas kurikulum bagi KBSM pula terdiri daripada Sains, Bahasa, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, kemapanan alam sekeliling dan patriotisme (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Kurikulum KBSM telah berasaskan peningkatan kemahiran berfikir kreatif dan kritis, tetapi pemupukan nilai-nilai murni dan nilai-nilai patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah menengah masih tidak diberi perhatian serius. Oleh itu, adalah

wajar untuk melakukan satu kajian terhadap tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM yang baru-baru ini diperkenalkan mulai tahun 2017. Bagi melahirkan murid yang mampu bersaing di persada antarabangsa, beberapa konstruk telah dikaji dalam tajuk-tajuk mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 KSSM, untuk melihat sama ada tajuk-tajuk tersebut mampu meningkatkan KBAT, menanam nilai-nilai murni, memupuk nilai-nilai patriotisme serta meningkatkan semangat perpaduan dan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid.





1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia mempercayai bahawa pengetahuan, nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme, semangat perpaduan dan kemahiran harus disemai dalam diri setiap pelajar supaya mereka mampu menghadapi cabaran di abad ke-21. Sejak tahun 2012, kerajaan telah mentransformasikan pelan pendidikan bagi menggalakkan pelajar supaya mereka boleh menghadapi cabaran-cabaran di abad ke-21. Salah satu strategi yang beras untuk mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya intelektual yang tinggi adalah dengan menyemai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. KPM sentiasa merancang dan mengamalkan strategi supaya pendidikan yang diterapkan dalam kalangan murid sentiasa memenuhi keperluan negara dalam menghadapi pelbagai cabaran.



Salah satu usahanya adalah penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).

Sistem pendidikan di negara Malaysia sentiasa mengalami transformasi atau perubahan untuk mewujudkan modal insan yang inovatif, cerdas dan kreatif. Strategi bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai intelektual yang tinggi adalah dengan menekankan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). KBAT bermaksud keupayaan untuk menyepudu dan mengaplikasikan tiga unsur pendidikan yang penting iaitu nilai, kemahiran dan pengetahuan supaya seseorang individu mampu berikir kritis dalam mencipta sesuatu yang kreatif (Agensi Inovasi Malaysia (AIM), 2013). Elemen KBAT juga terdiri daripada keupayaan untuk menyelesaikan masalah yang boleh wujud





dari semasa ke semasa. Justeru itu, satu kajian telah dilakukan bagi mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 sesuai atau tidak dalam meningkatkan dan KBAT dalam kalangan pelajar agar mereka dapat merealisasikan aspirasi dan matlamat pendidikan negara.

Selain usaha meningkatkan KBAT, usaha memupuk nilai-nilai patriotisme, nilai-nilai murni dan semangat perpaduan harus dilakukan melalui tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2. Hal ini demikian, semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya dalam kalangan pelajar dikatakan semakin luntur dan terhakis dari semasa ke semasa. Penghayatan nilai-nilai patriotisme dan semangat perpaduan telah bermula diperkenalkan di sekolah sejak murid belajar di peringkat sekolah rendah. Menurut [Buku Panduan Pemupukan Patriotisme Di Sekolah Rendah \(Kementerian Pendidikan: 1994\)](#), nilai-nilai patriotisme perlu dipupuk dalam kalangan murid melalui aktiviti kurikulum dan aktiviti kokurikulum.

Oleh itu, mata pelajaran seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Sejarah, Bahasa Inggeris dan mata-mata pelajaran yang lain di sekolah-sekolah menengah dan rendah harus diselaraskan dengan penyerapan nilai-nilai murni dan nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan melalui kandungan kurikulum yang diajar bagi setiap mata pelajaran tersebut.





Manakala di peringkat menengah pula, penerapan nilai-nilai patriotisme dibuat melalui mata pelajaran Sejarah, Bahasa Inggeris, Pendidikan Moral, Geografi, Pendidikan Islam dan mata pelajaran yang lain. Sesebuah negara harus dibina berdasarkan kebudayaan, akhlak mulia, semangat tanggungjawab dan beramanah, serta mempunyai pengorbanan diri yang tinggi.

Nilai-nilai patriotisme dan nilai-nilai murni, perlu dijiwai dan diamalkan sentiasa oleh masyarakat khususnya murid sekolah, supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada negara dalam pelbagai aspek. Murid-murid sekolah boleh terjebak dalam pelbagai masalah sosial jika penghayatan nilai-nilai patriotisme semakin kurang diterapkan dalam kalangan mereka. Golongan muda perlu mempunyai semangat setia akan negara dan nilai patriotisme yang tinggi supaya mereka tidak terlibat dalam sesuatu perkara yang negatif yang boleh menjaskankan nama baik bangsa dan negara.

Jika sikap bermusuhan antara masyarakat khususnya dalam kalangan murid semakin menebal, ini akan menghancurkan semangat cinta akan negara dan semangat patriotisme dalam kalangan murid-murid sekolah. Oleh itu, mereka perlu mempunyai falsafah dan pendirian hidup yang tidak merugikan masa depan mereka supaya matlamat pendidikan Malaysia iaitu melahirkan modal insan berakhlaq mulia dan berkualiti kepada kemajuan negara dapat dicapai.





Antara sebab semangat patriotisme dalam kalangan murid semakin luntur dan terhakis adalah disebabkan keutamaan yang diberikan terhadap kemewahan hidup. Sepatutnya, nilai-nilai moral, nilai-nilai agama, akhlak, sejarah dan disiplin dalam kalangan murid perlu diberi keutamaan yang tinggi. Sebaliknya, golongan muda hari ini lebih mengutamakan kemewahan, nilai kebendaan dan kekayaan. Memang tidak menghairankan apabila remaja senang melupakan perkembangan negara dan lebih memfokuskan untuk mengejar kemewahan dan kekayaan.

Golongan muda harus memahami bahawa penghayatan nilai-nilai murni sebenarnya penting untuk mendisiplinkan diri mereka sendiri. Disiplin yang tinggi akan menggalakkan pelajar mencapai kemenangan dan kejayaan dalam pelbagai bidang profesionalisme yang mereka ingin menceburi pada masa hadapan. Masa depan negara akan lebih cerah dan masyarakat negara akan hidup secara aman dan harmoni jika negara mempunyai golongan muda yang berdisiplin tinggi.

Satu kajian telah dilakukan untuk mengenal pasti kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menanam semangat perpaduan atau tidak. Hal ini kerana, selain aktiviti kokurikulum dan aktiviti kurikulum, kandungan dalam proses pengajaran dan penggunaan buku teks juga membantu memperkuuhkan perpaduan di Malaysia. Penubuhan Sekolah Wawasan juga memainkan peranan yang penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Selain penerapan dan pelaksanaan elemen-elemen ini, komitmen guru





juga sangat penting untuk merealisasikan pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid. Melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dipercayai dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid sekolah.

Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) sebagai satu usaha untuk melahirkan murid sekolah yang berinovasi tinggi dalam pembelajaran dan apa sahaja bidang yang mereka menceburi pada masa akan datang. Seseorang murid tidak harus dinilai hanya dengan kebolehan dan kebijaksanaan mereka menjawab soalan-soalan ujian atau peperiksaan, tetapi mereka juga harus dinilai berdasarkan sejauh mana mereka boleh menguasai kemahiran-kemahiran abad ke-21. Sebagai contohnya, pada abad ke-21 ini, murid-murid harus mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, berinovasi dan berkreativiti tinggi, kemahiran komunikasi dan sebagainya supaya mereka boleh mengurus pelbagai konflik dan cabaran mereka hadapi sekarang dan masa akan datang.

Menurut NCREL: *enGauge 21st century skills* (2002), kemahiran abad ke-21 mampu menyediakan generasi muda untuk menghadapi pelbagai masalah atau konflik yang kemungkinan akan wujud dari segi ekonomi, politik, teknologi dan sosial. Perubahan yang berlaku secara pantas dan ketara ini boleh menjadi satu cabaran yang besar bagi generasi muda. Sawchuk (2009), mencadangkan pihak sekolah melaksanakan dan memantau pengajaran yang dapat mewujudkan kemahiran abad ke-21. Dalam memenuhi tuntutan mempersiapkan murid dengan kemahiran abad ke-21, para guru Sejarah





menghadapi pelbagai cabaran kerana akibat keterbatasan waktu, kebanyakkan kemahiran abad ke-21 tidak dapat didedahkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang mengajar dengan baik dapat mengubah persepsi murid terhadap sesuatu mata pelajaran.

Kurikulum yang sedia ada bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, berinovasi, mempunyai semangat patriotik yang tinggi, bekerja secara kumpulan dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta dapat berkomunikasi dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah, kemahiran abad ke-21 ini memberi cabaran baru kepada guru dan pelajar untuk menerapkan dan mengaplikasikan elemen ini. Mata pelajaran Sejarah sering dianggap mata pelajaran yang membosankan, ketinggalan dan tidak menarik kerana mengkaji ilmu dan peristiwa masa lalu serta sukar untuk menghafal fakta-fakta sejarah (Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh 2009; Yong Shu Lan 2013; Malar Muthiah 2013). Tetapi dengan kemahiran abad ke-21 ini dilihat dapat memberi nafas baru yang dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk mendalami ilmu sejarah ini.

Oleh itu, KPM telah memperkenalkan PAK21 dalam bidang pendidikan supaya melalui pendidikan murid dapat meningkatkan kemahiran abad ke-21 dari semasa ke semasa. Sejauh mana kemahiran abad ke-21 dalam mata pelajaran Sejarah diintegrasikan





perlu dikaji untuk melihat sama ada matlamat KPM yang ingin melahirkan murid yang berkualiti tinggi dari segi pengetahuan, nilai dan kemahiran dapat dicapai.

Justeru, satu kajian telah dilakukan terhadap kurikulum Sejarah Tingkatan 2 KSSM untuk menilai sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran tersebut sesuai atau tidak dalam memupuk perpaduan dan nilai-nilai patriotisme, nilai-nilai murni dan menerap kemahiran KBAT serta kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid-murid sekolah.

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana lima konstruk kajian iaitu penerapan KBAT, pemupukan nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme dan semangat perpaduan serta penerapan kemahiran-kemahiran abad ke-21 dapat mewujudkan murid-murid yang arif dan peka terhadap Sejarah. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat adakah penyepaduan pengetahuan, nilai dan kemahiran dapat meningkatkan minat murid dan menangkis stigma murid yang berfikiran bahawa mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang membosankan serta sukar untuk difahami.





1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menerapkan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- b) Mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk nilai-nilai murni murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- c) Mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk nilai-nilai patriotisme murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- d) Mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk semangat perpaduan murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- e) Mengenal pasti sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menerapkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.





1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian ialah seperti berikut:

- a) Adakah tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menerapkan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar?
- b) Adakah tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk nilai-nilai murni murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar?
- c) Adakah tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk nilai-nilai patriotisme murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar?
- d) Adakah tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat memupuk semangat perpaduan murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar?
- e) Adakah tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dapat menerapkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid mengikut pandangan guru berdasarkan pengalaman mengajar?





1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol kajian ialah seperti berikut:

Ho(1): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pandangan guru mengikut pengalaman mengajar sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid.

Ho(2): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pandangan guru mengikut pengalaman mengajar sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 memupuk nilai-nilai murni murid.

Ho(3): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pandangan guru mengikut pengalaman mengajar sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 memupuk nilai-nilai patriotisme murid.

Ho(4): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pandangan guru mengikut pengalaman mengajar sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 memupuk semangat perpaduan murid.

Ho(5): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pandangan guru mengikut pengalaman mengajar sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 menerapkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

17

1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konsep penting dalam penyelidikan. Kerangka konsep akan menggambarkan secara jelas tentang keadaan sebenar kajian secara menyeluruh yang akan dijalankan oleh pengkaji. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan kerangka konsep kajian tentang pengalaman mengajar dan pandangan guru terhadap kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 berdasarkan beberapa elemen iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Pengalaman mengajar merupakan pembolehubah tidak bersandar manakala pandangan guru terhadap kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 mengikut elemen adalah pembolehubah bersandar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 di daerah Petaling Utama, Petaling Jaya, Selangor. Sampel-sampel yang dipilih bagi kajian ini adalah terdiri daripada golongan guru-guru sekolah yang berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Responden yang dipilih pula terdiri daripada guru-guru yang berbilang kaum dan agama dan mempunyai status warganegara Malaysia.

Tujuan guru sekolah telah dipilih sebagai responden adalah kerana mereka terdiri daripada golongan berpendidikan tinggi yang mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dan dapatan yang diperoleh melalui kajian yang dijalankan ini akan dapat menilai sejauh manakah tajuk-tajuk dalam kurikulum Sejarah Tingkatan 2 sesuai untuk menerapkan KBAT dan kemahiran abad ke-21, memupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan.

Dalam bidang pendidikan tempoh pengalaman seseorang guru mengajar merujuk kepada kelayakan yang asas yang perlu ada untuk mewujudkan pengajaran yang lebih berkualiti dan berkesan (Khalid et al. 2009). Menurut Rakib et al. (2016), tahap profesionalisme guru dinilai berdasarkan betapa banyak dan tinggi pengalaman seseorang guru dalam bidang pendidikan. Terdapat 9 standard yang digariskan dalam dokumen standard guru Malaysia. Standard tiga menerangkan kemahiran pengajaran dan





pembelajaran guru yang melibatkan aspek perancangan proses pengajaran dan pembelajaran. Standard ini dapat menjamin perkembangan dan peningkatan mutu pelajar secara menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Pandangan guru adalah berbeza mengikut tempoh pengalaman mereka mengajar. Guru yang mempunyai pengalaman yang tinggi menyumbang terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan melalui tempoh pengalaman yang berbeza dapat menilai pandangan mereka yang berbeza terhadap kesesuaian tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 dalam penerapan KBAT dan kemahiran abad ke-21, memupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan.

Kajian ini juga adalah satu kajian yang telah dijalankan dalam jangka masa yang pendek. Hal ini disebabkan oleh sumber, tenaga dan masa yang terhad. Kerjasama serta kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik membantu menilai sejauh mana maklumat yang diperoleh adalah tepat dan relevan. Borang soal selidik juga telah digunakan dalam kajian ini sebagai kaedah memperoleh maklum balas berkenaan dengan isu yang dibincangkan.

Di samping itu, kajian ini telah dijalankan berdasarkan lima objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kajian ini tertumpu dalam kalangan golongan guru-guru sekolah bagi mengenal pasti sejauh manakah tajuk-tajuk dalam kurikulum Sejarah Tingkatan 2 sesuai untuk menerapkan KBAT, memupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan dan penerapan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid.





1.10 Kepentingan Kajian

Kepentingan pertama kajian ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang dan ruang untuk kajian lanjutan kepada pengkaji yang ingin membentuk satu kajian yang kukuh yang boleh menganalisis kesesuaian tajuk-tajuk mata pelajaran Sejarah tingkatan lain selain Tingkatan 2 dalam menerapkan KBAT, memupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan dan penerapan kemahiran-kemahiran abad ke-21.

Kajian ini juga penting bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 untuk memfokuskan pengajaran dan pembelajaran mereka di bilik darjah berdasarkan 5 aspek utama iaitu penerapan KBAT, pemupukan nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme, semangat perpaduan dan penerapan kemahiran-kemahiran abad ke-21 murid.

Kajian ini juga penting untuk penerbit buku teks Sejarah di masa hadapan supaya mereka dapat menghasilkan buku-buku teks atau rujukan yang berkualiti kepada pengguna iaitu pelajar dan para pendidik supaya mereka dapat memanfaatkan buku-buku ini untuk menjana keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Kajian ini akan membantu melihat sama ada tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 sesuai atau tidak untuk peningkatan KBAT, penanaman nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme, semangat perpaduan dan kemahiran-kemahiran abad ke-21. Hasil kajian ini boleh dijadikan inspirasi untuk mereka buku-buku teks yang lebih bersesuaian dengan kehendak semasa dunia pendidikan dan boleh memberi manfaat kepada murid.





1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional menerangkan maksud bagi istilah-istilah yang telah digunakan oleh pengkaji yang menjalankan kajian berdasarkan beberapa sumber sebagai rujukan (Mohamad Najib, 1999). Tujuan penerangan maksud istilah adalah untuk memberi gambaran yang jelas dan lebih tepat tentang perkara-perkara yang dinyatakan oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Definisi atau maksud berikut adalah istilah yang digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini:

1.11.1 Patriotisme



Patriotisme berasal daripada Bahasa Greek, iaitu *patriots* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Seseorang itu dianggap patriot jika individu tersebut menunjukkan ciri-ciri patriotisme yang berpandukan semangat kecintaan dan semangat kesetiaan mereka terhadap negara yang mereka menghuni (Nordin, 2003).

Bill Totten (1998) mendefinisikan patriotisme sebagai semangat cinta dan setia akan negara. Sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama tidak boleh berfungsi dengan baik sekiranya mereka tidak mempunyai semangat patriotisme. Dalam kajian ini, patriotisme merujuk kepada nilai-nilai berkaitan patriotisme yang diterapkan oleh para guru melalui tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 sewaktu





proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah iaitu nilai taat setia kepada raja dan negara, nilai cinta akan negara dan nilai sanggup berkorban untuk negara.

1.11.2 Semangat Perpaduan

Perpaduan dapat didefinisikan sebagai satu proses membentuk identiti dan semangat kebersamaan serta mewujudkan rasa cinta terhadap negara dalam kalangan masyarakat sesebuah negara. Semangat perpaduan sangat penting untuk memastikan masyarakat dan negara bersatu padu dalam usaha memajukan sesebuah negara ke arah yang cemerlang. Samat Buang (2003), mendefinisikan perpaduan sebagai satu semangat menyatukan citacita dan fikiran masyarakat berbilang kaum dan pengorbanan mereka dalam usaha memajukan sesebuah negara. Perpaduan kaum berjaya dicapai jika guru memainkan peranan untuk memupuk nilai-nilai murni misalnya, nilai saling hormat-menghormati masyarakat lain tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.

Dalam kajian ini, nilai-nilai berkaitan semangat perpaduan yang diterapkan oleh para guru melalui tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah ialah tolong-menolong, hormat-menghormati antara masyarakat berbilang kaum, semangat bermasyarakat, persefahaman dan permuafakatan antara masyarakat berbilang kaum serta bersatu padu dan berharmoni antara satu sama lain.





1.11.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

KBAT ialah kemampuan untuk mengaplikasikan kemahiran, pengetahuan dan nilai untuk menyelesaikan masalah secara kritis, membuat keputusan, berinovasi mengeluarkan idea-idea yang berunsur kreatif dan kritis serta dapat mencipta atau menghasilkan sesuatu. Tahap pemikiran yang digambarkan dalam Taksonomi Bloom menunjukkan tahap pemikiran seseorang meningkat dari aras bawah ke atas iaitu dari mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai hingga mencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Hasrat KPM adalah untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab terhadap kemakmuran dan kemajuan negara. Penerapan KBAT dipercayai dapat membantu pelajar melakukan analisis dan inferensi yang tepat dan relevan supaya prestasi pencapaian mereka sentiasa meningkat. Sehubungan dengan itu, setiap pelajar diharapkan dapat memperbaiki kelemahan yang ada pada diri mereka melalui penerapan KBAT dari semasa ke semasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Dalam kajian ini, konstruk KBAT merujuk kepada 4 kemahiran iaitu kemahiran mengaplikasi, kemahiran menganalisis, kemahiran menilai dan kemahiran mencipta yang boleh diterapkan kepada pelajar melalui tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2.





1.11.4 Kemahiran-kemahiran Abad ke-21

Kemahiran abad ke-21 adalah salah satu inisiatif yang baharu yang diperkenalkan oleh KPM supaya kemahiran ini dapat membentuk murid yang boleh bertanding di persada dunia. Sebagai contoh, *APEC Members Economy* (2008) menggariskan empat kebolehan dalam abad ke-21 iaitu kebijaksanaan menyelesaikan masalah, bijak menguruskan diri dan mampu bekerja secara pasukan serta mengutamakan pembelajaran sepanjang hayat. Menurut *Partnership for 21st Century Skills*, komunikasi, kolaborasi, kreativiti dan pemikiran kritis dalam kalangan murid akan memberi hasil atau kemenjadian murid yang positif. Kemenjadian murid yang positif akan memberi impak positif yang besar terhadap dunia pendidikan di negara Malaysia. Dalam kajian ini, kemahiran-kemahiran abad ke-21 merujuk kepada kepekaan silang budaya, kemahiran berkomunikasi, kemahiran mengurus pelbagai konflik, kerja sepasukan, berdaya saing dan bertanggungjawab atas tindakan yang boleh diterapkan dalam diri pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

1.11.5 Nilai-nilai Murni

Nilai-nilai murni dapat ditakrifkan sebagai peradaban manusia, tingkah laku yang berhemah dalam kalangan manusia yang mempunyai hubungan antara manusia lain, tuhan dan alam sekitar. Zahid (1988), menjelaskan nilai murni sebagai:





“Nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhhlak mulia”.

Dalam kajian ini, nilai-nilai murni merujuk kepada 11 amalan yang diterapkan oleh para guru melalui tajuk-tajuk dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 2 sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah iaitu nilai kasih sayang, nilai hormat-menghormati, nilai keberanian, nilai keadilan, nilai kerajinan, nilai kerjasama, nilai kejujuran, nilai kesedaran, nilai kesyukuran dan nilai rasional.



1.11.6 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah telah mula dilaksanakan pada tahun 2017 bagi menggantikan KBSM yang dipercayai akan mewujudkan murid yang boleh berdaya saing di peringkat global. Menurut Ketua Sektor Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Naza Idris Saadon, KSSM diperkenalkan dengan memberi keutamaan kepada matlamat (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan KBSM disemak dengan memfokuskan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran inovatif dan kritis dalam kalangan murid.





KSSM berasaskan enam tunjang utama iaitu keterampilan diri, sains dan teknologi, sikap dan nilai kemanusiaan, kerohanian, komunikasi, estetika dan perkembangan fizikal masyarakat. Dalam kajian ini, KSSM berfokuskan kepada salah satu subjek teras dalam Tingkatan 2 iaitu mata pelajaran Sejarah.

1.11.7 Mata Pelajaran Sejarah

Menurut Yusof (2000), perkataan bahasa Inggeris iaitu *history* membawa maksud yang sama dengan perkataan Sejarah yang berasal daripada perkataan Yunani purba, *historia*. Perkataan *historia* bermaksud penyelidikan. Penyelidikan ini merujuk kepada peristiwa silam yang pernah berlaku pada masa dahulu dan peristiwa yang sedang berlaku di sesebuah negara. Secara keseluruhannya, ilmu sejarah sebenarnya membantu kita mengenali asal usul bangsa kita dan menanam semangat patriotisme atau semangat cinta akan negara dan bangsa dalam kalangan masyarakat.

Mata pelajaran Sejarah telah dijadikan sebagai subjek teras sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan. Mata pelajaran ini diwajibkan dalam kalangan murid sekolah menengah untuk peperiksaan. Oleh itu, Unit Sejarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), dan KPM telah bergigih untuk memastikan pelajar-pelajar sekolah menengah mendapat faedah optimum dalam pembelajaran dan pengajaran subjek ini. Usaha yang sama masih diteruskan sehingga kini selepas kurikulum baharu iaitu KSSM telah diperkenalkan mulai tahun 2017. Melalui KSSM Sejarah pelbagai input perlu





diterapkan dalam kalangan pelajar khasnya pelajar dari sekolah menengah. Input-input yang penting misalnya, penerapan KBAT, pemupukan nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme dan semangat perpaduan serta kemahiran-kemahiran yang lain yang ditekankan oleh KPM melalui Pelan Pembangunan Pendidikan perlu disampaikan kepada pelajar.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan Sejarah Tingkatan 2 yang diiktiraf sebagai mata pelajaran teras yang boleh meningkatkan KBAT, menanam semangat perpaduan, memupuk nilai-nilai patriotisme dan nilai-nilai murni serta meningkatkan kemahiran abad ke-21 melalui proses pengajaran dan pembelajaran.



Bahagian ini meringkaskan bagaimana kajian ini telah dilakukan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kajian penyelidikan ini terdiri daripada lima bab iaitu bab pendahuluan, bab kajian literatur, bab metodologi, bab analisis dapatan kajian serta perbincangan dan kesimpulan.

Bab satu menjelaskan secara terperinci tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional serta organisasi bab yang menerangkan hala tuju penyelidikan ini secara ringkas.





Bab kedua membincangkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dibahagikan kepada beberapa subtopik iaitu konsep KSSM, transformasi kurikulum, prinsip KSSM, KSSM mata pelajaran Sejarah, matlamat KSSM Sejarah, objektif KSSM Sejarah dan fokus KSSM Sejarah. Konstruk-konstruk yang dikaji dalam kajian ini juga diperjelaskan dalam bab ini. Konstruk-konstruk tersebut terdiri daripada 5 iaitu KBAT, nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme, semangat perpaduan dan kemahiran-kemahiran abad ke-21. Bab ini juga membincangkan kajian-kajian tempatan yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan yang amat berkait rapat dengan mata pelajaran Sejarah. Kajian-kajian lepas tersebut dibahagikan kepada 5 tema iaitu kaedah atau teknik pengajaran Sejarah, pemupukan semangat patriotisme menerusi PDP Sejarah, hubungan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah dengan teknik pengajaran guru Sejarah, penerapan semangat perpaduan melalui mata pelajaran Sejarah dan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sejarah di Malaysia. Kajian yang dikaji hanya meliputi 5 tema sahaja kerana kajian lepas yang telah dirujuk membincangkan tajuk penyelidikan berdasarkan tema-tema ini.

Bab ketiga iaitu bab metodologi membincangkan kaedah yang digunakan untuk penyelidikan ini iaitu prosedur menjalankan kajian, reka bentuk kajian, populasi kajian, tempat kajian, instrumen kajian, sampel kajian dan kaedah penganalisisan data bagi memastikan pencapaian objektif kajian yang telah ditetapkan.





Bab keempat iaitu bab analisis dapatan kajian merupakan bab yang membincangkan hasil kajian dalam bentuk teks, rajah dan jadual untuk mencapai lima objektif yang telah ditetapkan iaitu menilai sejauh manakah tajuk-tajuk dalam kurikulum Sejarah Tingkatan 2 sesuai untuk meningkatkan KBAT, menanam nilai-nilai murni, memupuk nilai-nilai patriotisme serta meningkatkan semangat perpaduan dan kemahiran-kemahiran abad ke-21. Bab ini diperbincangkan secara lanjut berdasarkan analisis statistik yang digunakan iaitu statistik deskritif dan statistik inferens.

Bab akhir iaitu bab kesimpulan merumus dan membincangkan hasil kajian yang merangkumi pencapaian objektif kajian yang telah ditetapkan. Bab ini juga mengemukakan implikasi kajian dan cadangan untuk kajian-kajian lanjutan.





1.13 Kesimpulan

Bab 1 adalah pengenalan umum kepada kajian yang dijalankan. Antara pengenalan umum yang terdapat dalam bab 1 adalah tentang objektif, kepentingan, batasan kajian, pernyataan masalah, organisasi kajian dan maksud istilah-istilah yang pengkaji gunakan sepanjang kajian ini. Pengenalan umum ini akan membantu pengkaji untuk mencapai lima objektif yang telah ditetapkan melalui kajian ini.

Objektif kajian yang dibincangkan melalui kajian ini adalah untuk menilai sejauh manakah tajuk-tajuk dalam kurikulum Sejarah Tingkatan 2 sesuai untuk menerapkan KBAT, memupuk nilai-nilai murni, nilai-nilai patriotisme serta semangat perpaduan dan

